

**NO. SOALAN: 532**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG**

**RUJUKAN : 9785**

**SOALAN:**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan polis yang memilih untuk bersara awal dan faktor mereka berbuat demikian serta usaha Kementerian untuk mengisi kekosongan tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Kajian yang dijalankan pada tahun 2016, seramai 2,011 orang iaitu 107 orang Pegawai Kanan dan 1,904 orang Anggota Pangkat Rendah (APR) telah memilih opsyen bersara awal. Berikut adalah sebab utama yang dikemukakan oleh mereka:-**

- i. Faktor Kesihatan;**
- ii. Menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap keluarga;**
- iii. Menceburi bidang perniagaan;**
- iv. Membiayai pendidikan anak;**
- v. Hilang minat terhadap pekerjaan;**
- vi. Masalah keluarga;**
- vii. Kemajuan dalam kerjaya kepolisan; dan**
- viii. Lain-lain faktor peribadi.**

**Justeru, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melaksanakan pengambilan untuk pengisian bagi pegawai kanan dan anggota yang bersara awal pada setiap tahun. Setiap tahun PDRM telah membuat unjuran pengambilan dengan mengambil kira mereka yang akan bersara wajib, bersara pilihan dan termasuk unjuran yang meninggal dunia.**

**Bagi tahun 2017, PDRM telah mengunjurkan pengambilan seperti jadual di bawah:-**

| JAWATAN            | JUMLAH     |            | JUMLAH KESELURUHAN |
|--------------------|------------|------------|--------------------|
|                    | LELAKI     | WANITA     |                    |
| INSPEKTOR          | 157        | 67         | 224                |
| KONSTABEL          | 530        | 800        | 1330               |
| KONSTABEL SOKONGAN | 159        | 68         | 227                |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>846</b> | <b>935</b> | <b>1,781</b>       |